

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 1 TAHUN 1988

PERMOHONAN PINDAHMILIK TANAH DAN GADAIAN DI BAWAH PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa sebagai suatu tindakan bagi melaksanakan keputusan Perakuan Jawatankuasa Kabinet mengenai Program Khas Perumahan Kos Rendah Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mengadakan lebih kurang 5,000 unit Rumah Kos Rendah setiap tahun dalam tempoh 1986 hingga 1988. Di bawah program ini, bagi membolehkan rumah-rumah tersebut dijual dengan harga diparas \$25,000 satu unit, Pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah memberi beberapa kelonggaran dan pengecualian dari segi syarat-syarat lazim dan kadar-kadar bayaran. Oleh kerana pelaksanaan Program Khas Perumahan Kos Rendah ini adalah bagi tempoh terhad, iaitu 1986 hingga 1988, adalah difikir perlu, kelulusan am dan dasar yang dapat dipertimbang, juga dihadkan tempoh kuatkuasanya.

2. Pentadbir Tanah Jajahan adalah diberitahu bahawa pada 12.12.1987 Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas Bil. 19/731/87/(91) mengenai perkara ini telah membuat keputusan seperti berikut :-

2.1 Memberi kebenaran am di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu Kelantan, 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan, 1938 bagi membolehkan tuan tanah membuat pindahmilik pertama kepada Pembeli-Pembeli yang Bukan Melayu dan Bukan Peranakan Kelantan, dan seterusnya membolehkan Pembeli Pertama membuat cagaran kepada Bank/Institut Kewangan yang tidak disenarai dalam Jadual 'D' dan Jadual 26A.

Kelulusan am ini adalah tertakluk kepada dasar-dasar semasa dari segi tempoh pajakan dan proses pindahmilik melalui serahbalik dan pemberianmilik semula.

- 2.2 Memberi kebenaran am di bawah Seksyen 120 K.T.N. bagi membolehkan pindahmilik dan gadaian dibuat bagi tanah-tanah yang mempunyai sekatan kepentingan.
 - 2.3 Memberi kelonggaran kepada dasar bagi membolehkan Orang-Orang Bukan Melayu yang lahir dan bermastautin dalam Negeri Kelantan menerima pindahmilik tanpa perubahan jenis hakmilik bagi tanah-tanah rumah kos rendah di bawah Program Khas, yang terletak diluar Rizab Melayu dan dimiliki oleh Orang Bukan Melayu dan Bukan Anak Kelantan.
 - 2.4 Kelulusan am ini hendaklah berkuatkuasa sehingga akhir tahun 1989 dan selepas itu setiap pindahmilik tanah dan cagaran adalah tertakluk kepada proses biasa.
3. Berpandu kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan di atas Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil ingatan yang kemudahan ini hanya diberi kepada urusan tanah-tanah dalam kawasan Program Khas Perumahan Kos Rendah sahaja. Bagi mereka yang mendapat kelulusan bagaimana para 2.1. di atas itu masih perlu kepada sijil di bawah Seksyen 13A dan Seksyen 104 cuma permohonan mereka itu tidak perlu diproses. Dengan kata lain Pentadbir Tanah Jajahan tidak perlu menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan tetapi fail hendaklah dibuka bagaimana lazim atau mengikut satu-satu projek itu dan bayaran harga sijil itu hendaklah dipungut seperti biasa juga. Demikian juga bagi kes-kes yang terlibat dengan penyerahan balik Borang 12A dan Jadual 1 hendaklah diisi.

4. Pekeliling dikuatkuasa mulai tarikh surat pemberitahu ini.

t.t

(Hj Ismail Hassan)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU : 12HB. JANUARI, 1988

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan,
Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengurus Besar KESEDAR
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Kelantan
9. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan) Pejabat SUK.

FAIL: P.T.G.KN.SULIT 23/3/1/(76).

P.U.(A) 25-26

Exemption and application 2. The Sogomana Rubber Estate Ltd. (hereinafter referred to as "the employer") is exempted from the provisions of paragraph (c) to subsection (1) of section 60A and the provisions to paragraph (b) of subsection (3) of section 60A of the Act in respect of the engine driver cum water pump attendant employed under a contract of service by the employer at Sogomana Rubber Estate, Pantai Remis, Dindings, Perak, for the period from the 1st October 1984 to the 30th September 1986.

Made the 22nd January 1986.

[KB. Sulit 32/1/2/3/20/5 Jld.II; PN.(PU2) 192/IV.]

DATO' LEE KIM SAI,
Minister of Labour

P.U.(A) 26

ORDINAN SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECCUALIAN) 1986)

59/49 PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah subseksyen (1) seksyen 80 Ordinan Setem 1949, Menteri membuat perintah yang berikut :

Nama dan mula berkuatkuasa 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengeccualian) 1986** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 25hb. Oktober 1985.

Pengeccualian 2. Segala suratcara dalam bentuk sekuriti bagi wang yang diberi untuk membiayai pembelian suatu unit rumah kos rendah dalam suatu Projek Perumahan Kos Rendah adalah dikeccualikan daripada duti setem yang jika tidak kerana pengeccualian ini boleh dikenakan di bawah Ordinan itu.

3. Bagi maklumat Perintah ini suatu unit rumah kos rendah bermakna suatu unit dalam suatu Projek Perumahan Kos Rendah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak melebihi \$25,000.

Diperbuat pada 21hb. Januari 1986
[CR (8.09) 294/6/4-14; PN.(PU2) 159/IX]

DAIM ZAINUDDIN,
Menteri Kewangan

STAMP ORDINANCE 1949

STAMP DUTY (EXEMPTION) ORDER 1986

In exercise of the powers conferred by subsection (1) section 80 of the Stamp Ordinance 1949, the Minister makes the following order. 56/49

1. This Order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) Order 1986** and shall be deemed to have come into force on the 25th October 1985. Citation and commence-